

Tiada pembalakan di hutan Lentang

» Takungan air atas bukit pecah bawa lumpur ke lebuhraya

Oleh Siti Azila Alias dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Bentong

Banjir lumpur yang melanda Kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pada Rabu lalu, dipercayai berpunca daripada hujan luar biasa di kawasan terbabit.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata tinjauan mendapati struktur takungan di atas bukit itu, pecah selepas tidak dapat menampung kapasiti air yang terlalu banyak, ekoran hujan luar biasa yang dialami.

Beliau berkata, tiada aktiviti pembalakan dikesan sekitar Hutan Simpan Lentang, seperti didakwa menjadi punca banjir lumpur itu hingga menyebabkan sebahagian laluan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak terhalang dan kini ditutup untuk pembersihan.

Struktur takungan pecah

Katanya, aliran air ekoran struktur takungan yang pecah itu turut menghanyutkan bersamanya lumpur, batu dan kayu dari kawasan cerun hingga melanda penempa-

tan serta laluan lebuhraya.

"Sepanjang pemerhatian termasuk tinjauan melalui udara, saya dapati tidak ada sebarang aktiviti pembalakan, mahupun kerja meratakan tanah dikesan di atas bukit hutan simpan ini (Lentang).

"Bagaimanapun, kita biar pihak berkenaan jalankan siasatan. Saya tidak boleh komen lanjut selagi siasatan belum selesai," katanya ketika ditemui pemberita selepas membuat tinjauan di lokasi kejadian, semalam.

Sebelum ini, Pertubuhan Perlindungan Khazanah Alam Malaysia (PEKA) mendakwa kejadian banjir lumpur di situ berpunca akibat kegiatan pembalakan tidak terkawal di kawasan Hutan Simpan Lentang. Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, turut menafikan dakwaan itu.

Wan Junaidi berkata, siasatan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung kejadian terbabit dijangka diperoleh dalam tempoh dua minggu lagi.

Siasat ketahanan tanah

Katanya, Jabatan Perhutanan bersama Jabatan Mineral dan Geosains serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut menjalankan siasatan berkaitan ketahanan tanah di kawasan terbabit yang dijangka mengambil dua hingga tiga minggu, bergantung kepada

cuaca.

Sementara itu, Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), JPS dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diarah membina laluan



Wan Junaidi (tengah) **meninjau kawasan tanah runtuh** di Kilometer 52.4, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak berhampiran kawasan rehat Lentang. (FOTO GHAZALI KORI/BH)

khas membolehkan air di Hutan Simpan Lentang dialirkan secara sistematik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata ia bertujuan mengelakkan takungan air yang dipercayai menjadi punca kejadian banjir lumpur di sini, berulang.

Katanya, ketiga-tiga pasukan itu sudah membuat tinjauan awal bagi melihat lokasi takungan air itu dan akan kembali ke kawasan terbabit bagi kerja pembinaan aliran.

"Saya sudah minta JPAM, JPS dan SMART membina laluan sesuai untuk saluran sumber air itu bagi mengurangkan atau mengeringkannya supaya tidak mengancam kerja pembersihan lebuhraya dan kawasan penempatan," katanya.



Kerja-kerja pembersihan jalan **masih dijalankan** di kawasan tanah runtuh.